

# Institusi pengajian tinggi tingk

UM 25/2 108 m/s 30

MENYEDARI betapa pentingnya pendidikan kepada rakyat dan negara, maka kerajaan Perak sentiasa 'menadah tangan' seluas-luasnya apabila ada permohonan daripada mana-mana pihak yang berminat membuka pusat pengajian tinggi (IPT) di negeri tersebut.

Maka tidak hairanlah, Perak yang mempunyai kawasan tanah yang luas sanggup menawarkan insentif menarik untuk menggalakkan IPT sama ada awam atau swasta membina kampus induk atau cawangannya di negeri berkenaan.

Kerajaan negeri menawarkan bayaran hanya RM10 kepada IPT yang berminat membangunkan tanah seluas 300 hektar bagi membuka universiti baru atau cawangannya di sini dengan beberapa syarat tertentu dipatuhi bagi melayakkan mereka menerima insentif tersebut.

Sikap murah hati ini membuktikan betapa kerajaan negeri bersungguh-sungguh mahu menarik minat IPT yang kebanyakannya beroperasi di Selangor dan Kuala Lumpur supaya memindahkan institusi masing-masing ke Perak.


Tawaran tersebut disambut baik oleh pihak IPT memandangkan semakin banyak institut pendidikan berminat memindahkan pusat pengajian ke luar Lembah Klang berikutan kos tanah yang terlalu tinggi untuk membekalkan kampus di situ.

Bagi mereka, tawaran kerajaan Perak adalah ibarat 'orang mengantuk disorongkan bantal' kerana harga tanah ditawarkan ini jauh lebih rendah berbanding di Lembah Klang yang sentiasa melambung naik dari semasa ke semasa.

Justeru tidak hairanlah, di Perak ketika ini, terdapat banyak IPT awam (IPTA) dan swasta (IPTS) termasuklah kampus cawangan.

IPTA tersebut termasuklah lima buah Kolej Komuniti; Universiti Teknologi Mara (UiTM) cawangan Seri Iskandar; Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI); Universiti Teknologi Petronas (UTP); Institut Perguruan Iph; Institut Latihan Perindustrian Iph; Politeknik Ungku Omar; Politeknik Sultan Azlan Shah dan Kolej Matrikulasi Kementerian Pelajaran Malaysia.

IPTS pula ialah Universiti Tunku Abdul Rahman (Unitar) cawangan Kampar; Kolej Perubatan Diraja Perak;



UNIVERSITI Pendidikan Sultan Idris di Tanjong Malim klu

Institut Informatics; Institut Katering dan Hotel Syuen; Institut Pelancongan dan Perhotelan Hillcity serta Institut Teknologi Perak.

Kerajaan negeri juga sudah meluluskan tanah bagi pembinaan Universiti Tun Abdul Razak di Kampar, kampus kedua UiTM di Tapah, Kolej Islam Perak di Kuala Kangsar dan Universiti Angkatan Tentera di Segari, Manjung.

Terbaru pada 7 Februari lalu, Menteri Besar Perak, Datuk Seri Mohd. Tajol Rosli Ghazali mengumumkan bahawa kerajaan negeri sudah meluluskan tanah seluas 404 hektar di Pulau Banding, Gerik bagi membina kampus Fakulti Pertanian, Universiti Utara Malaysia (UUM).

Tajol Rosli memberitahu, permohonan membina kampus berharga RM600 juta yang boleh memuatkan 5,000 pelajar itu dibuat oleh Naib Canselor UUM, Tan Sri Nordin Kardi dalam satu pertemuan baru-baru ini.

"Selepas menimbang dan berbincang mengenainya, kerajaan Perak bersetuju meluluskan seberapa banyak tanah

# kat mutu pendidikan di Perak



pusus untuk melatih bakal pendidik.

yang diperlukan oleh UUM.

“Kelulusan berprinsip ini merupakan amalan biasa kerajaan negeri, malah ia turut melibatkan permohonan tanah beberapa IPTA lain yang mahu membina kampus cawangan di Perak termasuk UITM,” kata Tajol Rosli.

Beliau seterusnya menggambarkan betapa bermurah hatinya kerajaan negeri dalam urusan pemberian tanah untuk tujuan pembangunan pendidikan di negeri ini.

Antara alasan mendorong kerajaan Perak meluluskan segera permohonan itu, ialah keyakinan bahawa kampus yang dibina itu mampu merencanakan lagi pertumbuhan ekonomi di kawasan Hulu Perak, selain meningkatkan keupayaan Perak sebagai hab modal insan terunggul di negara ini.

“Kami mungkin cadangkan kepada UUM supaya 80 peratus pelajarinya menetap di asrama dalam kampus manakala selebihnya tinggal menyewa di luar.

“Dengan cara ini, kawasan sekitar tentunya boleh menumpang hasil pembinaan kampus Fakulti Pertanian

terbabit,” katanya yang nyata mengharapkan pembinaan kampus itu mampu memberi manfaat kepada ekonomi penduduk tempatan.

Tajol Rosli juga berharap penubuhan Fakulti Pertanian di kawasan itu akan membantu merencanakan lagi pembangunan di Pulau Banding termasuk ternakan ikan tilapia yang dibangunkan dengan kerjasama sebuah syarikat dari Norway.

Apa yang penting, usaha dijalankan oleh Menteri Besar sentiasa mendapat sokongan dari kerajaan yang menyedari pendidikan memainkan pengaruh besar dalam melahirkan modal insan berkualiti yang akan menentukan jatuh banggunya sesebuah negara pada masa depan.

Kepentingan pendidikan kepada rakyat dan negara diakui oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dalam ucapannya ketika merasmikan Majlis Pecah Tanah Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) di Parit, Perak baru-baru ini.

Menurut Najib, negara sudah berada di abad ke-21 yang mana arus globalisasi dan persaingan global menuntut rakyat mempersiapkan diri dengan segala ilmu dan kemahiran.

“Justeru, pembangunan bidang pendidikan bagi melahirkan modal insan berkualiti dan berdaya saing akan terus menjadi keutamaan kerajaan.

“Selagi ini menjadi prinsip diamalkan oleh kerajaan, kita akan tetap berada di landasan politik yang betul dan pastinya mendapat sokongan rakyat.

“Inilah kebajikan yang paling besar dan diredai Allah yang dilakukan oleh kerajaan kerana pendidikanlah yang menjadi bekalan untuk kehidupan di dunia dan di akhirat bagi setiap insan,” kata Najib menunjukkan betapa kerajaan pimpinan Barisan Nasional mementingkan pendidikan kepada rakyat.

Ia juga membuktikan bahawa tidak sia-sia usaha kerajaan Perak mempromosikan negeri ini sebagai hab pendidikan memandangkan semua pihak memperoleh manfaat daripadanya.

Kewujudan banyak IPT bukan sahaja membuka peluang pendidikan kepada anak-anak tetapi mampu menyumbang pendapatan ibu bapa mereka secara tidak langsung.